

Pelajar rabun turut ke ujian akhir semester kedua UUM

um 22/3/05 26:4

SINTOK 21 Mac – Seorang pelajar rabun, Norlita Hanim Md. Taha, 24, adalah antara 19,348 pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) yang menduduki peperiksaan akhir semester kedua sesi 2004/2005 bermula 13 Mac lalu sehingga 1 April ini.

Norlita yang merupakan seorang pelajar Fakulti Ekonomi itu terpaksa menggunakan kanta pembesar untuk membolehkannya menjawab peperiksaan itu disebabkan mengalami masalah penglihatan.

Pemangku Naib Canselor UUM, Lt. Kol. Prof. Madya Dr. Abdul Razak Chik berkata, UUM sedia membantu dan memberikan perhatian kepada pelajar yang mempunyai masalah seperti itu sekiranya mereka memaklumkan kepada pihak universiti.

Menurut beliau lagi, memang sudah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan UUM untuk memberi kemudahan dan persiapan awal kepada pelajar yang sekiranya mereka mempunyai masalah seperti yang dihadapi oleh Norlita.

“Pihak Hal Ehwal Akademik sentiasa memantau dan bersedia memberi kerjasama serta perhatian kepada pelajar yang menghadapi masalah seperti kecacatan dan kecederaan untuk membolehkan mereka menjalani peperiksaan akhir dengan lancar,” katanya ketika dihubungi di pejabatnya di sini hari ini.

Dr. Abdul Razak berkata, jumlah peperiksaan kali ini meliputi 482 kursus peperiksaan akhir daripada 696 kursus yang ditawarkan di UUM.

Sehubungan itu katanya, pelajar yang menduduki peperiksaan akhir peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam 30 program yang ditawarkan diharap dapat menumpukan perhatian ketika menjawab soalan peperiksaan dan jangan melakukan sebarang kecurangan akademik.

Antara yang mengambil peperiksaan akhir pada sesi kali ini adalah 1284 pelajar program kerjasama UUM dengan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) iaitu seramai 1058 pelajar kerjasama dengan Kolej Yayasan Melaka, Institut Pengurusan Pujangga (98) dan Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (128).

Katanya lagi, seramai 69 pelajar Program Khas Pendidikan Gurur (PKPG) mengambil peperiksaan di Institut Perguruan Darul Aman (IPDA) dan 75 pelajar Program Pengajaran Bahasa Inggeris Untuk Kanak-Kanak di Maktab Perguruan Pulau Pinang (MPPP).

Sementara itu katanya, seramai 70 orang pembantu peperiksaan dari Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Fakulti telah dilantik untuk mengawasi pelajar sepanjang berlangsungnya peperiksaan.